



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

**PORTAL PEKERJAAN HIJAU MENYOKONG PERTUMBUHAN  
EKONOMI HIJAU NEGARA**

1. Saya telah melancarkan Portal Pekerjaan Hijau yang merupakan inisiatif Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui agensinya iaitu Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) yang telah diaktifkan mulai Oktober 2021. Ia juga dibangunkan melalui kolaborasi bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Malaysia Association of Energy Service Companies (MAESCO) dan Small and Medium-sized Enterprises (SME) Association of Malaysia.
2. Pembangunan portal ini adalah bertujuan untuk menyediakan platform bagi pasaran pekerjaan hijau di Malaysia dalam menyokong pertumbuhan industri hijau tempatan. Ini termasuk membantu dalam mengenal pasti tawaran dan permintaan pekerjaan hijau dalam industri tempatan dan seterusnya menjadi pusat data utama bagi maklumat pekerjaan hijau di Malaysia. Pelancaran portal ini juga selaras dengan komitmen Malaysia pada 25th ASEAN Labour Minister Meeting 2018 dan Pelan Kelestarian Alam Sekitar 2020 – 2030 untuk mewujudkan sebanyak 230,000 pekerjaan hijau menjelang 2030. Selain itu, portal ini membantu merangsang pembangunan ekonomi hijau terutama dalam enam (6) sektor utama yang dijelaskan di dalam *Green Technology Master Plan* iaitu tenaga, bangunan, pengangkutan, pembuatan, teknologi maklumat, air dan pengurusan sisa.
3. Majlis perasmian ini turut menyaksikan komitmen MGTC melalui sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama MYFutureJobs dibawah kawal selia (PERKESO), SME Associations of Malaysia (SME) dan Malaysia Association of Energy Service Companies (MAESCO) dengan tujuan mempromosikan pekerjaan hijau selain meningkatkan jumlah penyertaan orang ramai dalam usaha membangunkan pertumbuhan hijau negara. Usaha ini digarab bagi memperkasa penglibatan dan peranan syarikat swasta terhadap penjanaan ekonomi hijau.
4. Saya berharap Portal Pekerjaan Hijau ini akan menjadi pemangkin dalam usaha untuk menyediakan pusat data pekerjaan hijau di Malaysia dan menjadikan masyarakat lebih peka dan peduli terhadap kelestarian alam sekitar. Inisiatif seperti ini memerlukan usahasama kolektif daripada semua pihak terutamanya pihak industri sebagai penggerak mewujudkan pekerjaan hijau.

- Tamat -

**YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man**

Menteri Alam Sekitar dan Air

30 Jun 2022